

LTAT, FELDA diberi masa dua minggu

Dua agensi Persekutuan diminta kemuka penjelasan prestasi kewangan

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Pengurusan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) dan FELDA diberi tempoh dua minggu oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim, untuk mengemukakan laporan penuh berhubung prestasi kewangan masing-masing susulan pendedahan kelemahan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2022.

Perdana Menteri berkata, notis sudah diberikan kepada pengurusan kedua-dua agensi Persekutuan itu untuk mengemukakan penjelasan serta keterangan penuh berhubung isu dibangkitkan dalam LKAN dibentangkan di Dewan Rakyat pada Rabu lalu.

"Ya. Memang dah bagi notis supaya ada penjelasan, keterangan penuh daripada LTAT (dan FELDA), walaupun perkara ini daripada audit (LKAN) 2022.

"Saya minta laporan itu. Kita beri mereka notis sekurang-kurangnya dua minggu untuk mengemukakan laporan penuh. Kemudian Kabinet akan berbincang mengenainya," katanya ketika ditemui selepas menunaikan solat Jumaat di Surau Amaniah, Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Putrajaya di sini, semalam.

LKAN bagi penyata kewangan 2022 itu, mendedahkan LTAT tidak membuat penjejakan nilai terhadap pelaburan dalam syarikat subsidiari berjumlah RM812 juta membabitkan Boustead Holdings Berhad berjumlah RM768 juta dan Pharmaniaga Berhad berjumlah RM44 juta.

Rekod baki negatif

Laporan itu juga mendedahkan rizab LTAT merekodkan baki negatif bagi tiga tahun berturut-turut sejak 2020, iaitu RM376 juta, RM285 juta (2021) dan RM338 juta (2022).

FELDA pula dilaporkan dalam LKAN mengalami kerugian bersih RM1.005 bilion pada 2022, meningkat berbanding RM545 juta pada 2021.

LKAN mendedahkan baki pinjaman daripada institusi luar, FELDA mencatatkan penurunan iaitu RM8.659 bilion berbanding RM8.809 bilion pada 2021.

Jabatan Audit Negara juga



Anwar bersalaman dengan anggota PDRM selepas menunaikan Solat Jumaat di Surau Amaniah, IPD Putrajaya, semalam.

(Foto BERNAMA)

mendapati komitmen bayaran balik pinjaman berbanding kecairan tunai menunjukkan wujud ketidakpastian terhadap keupayaan FELDA dan Kumpulan meneruskan operasi berdasarkan usaha berterusan.

Susulan pendedahan laporan LKAN itu, Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) akan memanggil tiga bekas pengurusan tertinggi Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) bagi memberi penjelasan berhubung pendedahan rizab kewangannya yang negatif.

Tiga individu disenaraikan terdiri daripada bekas Pengerusi LTAT, Jeneral (B) Tan Sri Raja Mohamed Affandi Raja Mohamed Noor; bekas Ketua Pegawai Eksekutif LTAT, Datuk Ahmad Nazim Abd Rahman serta Pengarah

Kanan Strategi LTAT, Dayana Rogayah Omar, yang sebelum ini meletakkan jawatannya.

Pengerusi PAC, Datuk Mas Ermeyati Samsudin, dilaporkan memaklumkan prosiding itu akan dilakukan selepas sambutan Aidilfitri.

Sementara itu, Perdana Menteri ketika ditanya sama ada wujud keperluan menubuhkan jawatankuasa khas bagi menyiasat isu berkenaan, berkata laporan LKAN terbabit akan diteliti terlebih dahulu sebelum memberi peluang kepada kementerian serta agensi berkaitan untuk mengemukakan penjelasan.

"Apa yang penting ialah kita perlu *stop the rot* (menghentikan kebejatan daripada berlarutan), kekurangan dan kelemahan," katanya.